



AmAssurance

Siaran Media

6 Disember 2007

AmAssurance lancar AmFlexi, pelan '2 dalam 1' untuk Pendidikan dan Persaraan

AmAssurance hari ini telah melancarkan pelan insurans hayatnya yang terkini, AmFlexi dan AmFlexi Education yang mampu menyediakan penyelesaian insurans yang inovatif kepada semua rakyat Malaysia yang inginkan sejenis mekanisme terjamin dalam mengumpulkan dana bagi pembiayaan persaraan dan pendidikan.

Pelan AmFlexi mampu memberi lebih fleksibiliti kepada para pemegang polisi untuk membuat tokokan premium secara lazim ataupun secara tunggal bagi meningkatkan nilai polisi untuk pembiayaan persaraan ataupun membuat pengeluaran separa pada bila-bila masa dari akaun dana polisi bagi tujuan pembiayaan pendidikan.

Di samping itu, para pemegang polisi AmFlexi turut berpeluang untuk menikmati nilai perlindungan sejumlah 10 kali ganda daripada premium yang dibayar dan pada masa yang sama mengecapi potensi pulangan pelaburan lumayan dari portfolio polisi yang diuruskan secara professional. Yang lebih menarik lagi, AmFlexi telah dibangunkan menerusi hasil kajian pakar-pakar penyelidikan dan pemasaran AmAssurance bagi memenuhi keperluan dua peringkat kehidupan secara sekaligus. Ianya lebih efektif berbanding dengan membangunkan dua pelan berasingan yang akan mungkin membebankan kewangan rakyat Malaysia

"AmFlexi merupakan satu-satunya pelan insurans '2 dalam 1' yang melindungi dua peringkat kehidupan penting dan paling dititik beratkan oleh

rakyat Malaysia, iaitu pembiayaan pendidikan dan persaraan”, ujar Encik Ng Lian Lu, Ketua Pegawai Eksekutif AmAssurance Berhad.

“Pelan AmFlexi turut ditawarkan kepada kanak-kanak yang berusia 1 sehingga 15 tahun; bagi memberikan dua anugerah kehidupan yang paling bermakna iaitu pendidikan dan perlindungan. AmFlexi begitu fleksibel, yang mana apabila kanak-kanak tersebut telah mencecah usia 25 tahun, dia boleh membuat pilihan sama ada untuk memanjangkan tempoh perlindungan dan simpanannya kepada pelan sepanjang hayat bagi memulakan dana persaraannya,” tambah Encik Ng.

Dalam pada itu, Encik Clement Heng, Pengurus Besar Bahagian Jualan Ejen Hayat yakin bahawa portfolio insurans hayat AmAssurance akan terus kukuh ekoran daripada pengenalan pelan AmFlexi ke dalam pasaran.

“Dengan kekuatan sejumlah 3,500 ejen yang berpadu tenaga mempromosi produk ini kepada segenap lapisan rakyat Malaysia, kami mengunjurkan perolehan premium perniagaan insurans hayat AmAssurance akan menokok sebanyak 20% ke suatu angka yang mencecah hampir setengah billion Ringgit pada akhir tahun kewangan 2007/2008,” tambah beliau.

Encik Alex Tan, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran pula berkata “Siri kempen pemasaran dan komunikasi yang menyeluruh dan menarik telah dilancarkan sempena musim perayaan ini bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk meningkatkan kualiti hayat mereka. Lebih menarik lagi, para pelanggan yang mencarum di dalam AmFlexi akan berpeluang untuk menerima Bingkisan Cenderahati AmFlexi untuk kanak-kanak dan jam tangan bertemakan Persaraan daripada ejen-ejen AmAssurance.”

Pada tahun kewangan ini, AmAssurance telah menunjukkan kadar persistensi insurans hayat yang memberangsangkan pada kadar 88% berbanding 85% pada tahun lepas.

Tentang AmAssurance Berhad

AmAssurance merupakan sebuah jenama yang terkemuka dalam arena industri insurans di Malaysia. Dua entiti korporat yang berdiri teguh di belakang AmAssurance adalah- Kumpulan AmBank; salah sebuah peneraju kumpulan perbankan serantau dan IAG Pty Limited, syarikat insurans terbesar di Australia yang telah bertapak di seluruh dunia sejak lebih 130 tahun. Perniagaan AmAssurance dijanakan menerusi khidmat insurans hayat dan am yang komprehensif di 200 bank dan cawangan serta melalui lebih 5000 wakil kami di seluruh pelusuk negara. Dengan berbekalkan khidmat kepakaran selama 35 tahun dan aset keseluruhan yang berjumlah lebih daripada RM2 billion, kami telah memberi khidmat pelanggan kepada lebih sejuta rakyat Malaysia. Bereputasikan salah sebuah 3 penyedia insurans motor yang terbesar, AmAssurance semakin mendapat tempat di hati pengguna sebagai syarikat insurans pilihan yang paling kompetitif di pasaran.

Untuk keterangan lanjut, sila layari <https://www.amassurance.com.my> atau hubungi En Alex Tan, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran di talian 03-4047 8053 atau menerusi e-mel di alex-tan@ambg.com.my